

# Terdidikkah remaja perempuan hari ini?

TERDIDIK wanita terdidiklah bangsa. Untuk melaksanakannya jangan ditunggu hingga wanita itu matang usia, sebaliknya didikan bermula sejak kecil lagi. Sebagai acuan generasi baru, wanita dipertanggungjawabkan dengan tugas dan amanah yang berat. Melahirkan generasi yang putih bersih, bukankah seharusnya wanita juga perlu menjadi begitu? Namun, bagaimana mungkin menggenggam impian andai sumbernya sendiri terbabas daripada galur peradaban dan etika kehidupan kala dia menginjak remaja? Terjebak dalam kancan keruntuhan moral yang mengakibatkan maruah diri tercemar.

Apa yang perlu diperhatikan ialah masa depan kita dalam melahirkan bangsa yang terdidik. Dan jika kita bersetuju akan 'terdidiknya bangsa apabila terdidik wanitanya', maka kita perlu melihat kepincangan golongan remaja yang berlaku sekarang dengan lebih serius. Remaja perempuan yang kecundang jalan kehidupannya, yang telah lekang daripada diri mereka nilai wanita seperti yang dituntut oleh agama mahupun adat budaya.

Jika ditanya pada remaja perempuan, bagaimana anda mampu melaksanakan tanggungjawab itu, andai kata anda sendiri tersasar dari jalan yang lurus? Apakah jawapannya? Jangan menuding jari ke pihak lain untuk dipertanggungjawabkan atas kesalahan yang sudah berlaku, tetapi cuba renung-renungkan akan diri sendiri. Cari di mana silapnya.

Sememangnya nilai moral remaja hari ini semakin tersasar daripada landasannya. Justeru, kita sewajarnya berasa bimbang dengan perkembangan ini lebih-lebih lagi apabila fenomena remaja hamil semakin menular. Pegawai Motivasi dan Kaunseling, Pusat Kebahagiaan Remaja dan Wanita, **Yahya Mohamed Yusof** berkata, jika dikaji daripada latar belakang kenapa adat budaya dan agama kita memberi peraturan kepada orang perempuan? Inilah tujuannya. Ingin mengelakkan perkara aib daripada berlaku. Justeru, anak perempuan perlu dikenakan sekatan yang sewajarnya dalam pergaulan serta diajar kenapa mereka tidak boleh keluar malam, berdua-duaan dengan bukan muhrim dan sebagainya.

"Gadis dan wanita perlukan lebih pendedahan ilmu mengenai lelaki yang mendampingi mereka. Tanpa pendedahan ini membuat mereka keliru dan tidak jelas dengan keadaan sebenar. Asas untuk mengatasi masalah ini

ialah ilmu. Ilmu mengenai apa itu 'cinta' dan 'lelaki'. Tanpa ilmu kita tidak dapat berfikir serta membezakan yang baik dan buruk. Inisiatif diri penting selain peranan ibu bapa dan juga masyarakat. Justeru, perlu ada sistem berkala untuk mendidik anak-anak remaja.

"Ada orang kata, pendidikan seks perlu untuk menangani masalah ini. Tapi, bagi saya bukanlah pendidikan seks yang terang dan jelas. Sebaliknya pendidikan psikologi lebih penting di mana orang perempuan perlu didedahkan bagaimana lelaki yang baik, jujur dan bertanggungjawab. Bagaimana cinta yang ikhlas? Itu yang perlu dijelaskan. Meskipun cinta itu buta, namun lelaki yang benar-benar

ikhlas dan baik tidak akan mengheret teman wanitanya ke lembah maksiat ataupun perlakuan tidak bermoral," jelas Yahya lagi.

Dalam soal ini jangan salahkan remaja perempuan semata-mata. Bagaimana dengan lelaki yang terlibat? "Tak ada perempuan waima pelacur yang sengaja melakukan perkara seperti ini kecuali bersebab. Semua berpunca daripada lelaki. Misalnya, pelacur kalau tidak ada permintaan bagaimana industri itu boleh berkembang?"

Menurut Yahya lagi, "sistem tegur-menegur dalam masyarakat perlu dihidupkan semula. Jadikan ia amalan dalam mengatasi masalah keruntuhan moral golongan remaja dan seterusnya mengelakkan terjadinya remaja hamil. Namun, apa yang dilihat masyarakat sekarang ibarat 'enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing'. Tiada teguran, sekadar keluhan apabila

melihat remaja berkelakuan tidak sopan. Jangan harap pada tindakan kerajaan semata-mata kerana ia memerlukan tindakan iringan dan dorongan.

## LAKUKAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Memandangkan tugasnya berkaitan dengan kaunseling dan motivasi, secara tidak langsung Yahya terpaksa berdepan dengan pelbagai kes antaranya remaja hamil. "Pada peringkat awal saya minta mereka merujuk pada pusat-pusat perlindungan yang sedia ada. Namun, ada segelintir mengatakan tiada kekosongan. Dalam kes begini kebanyakan mangsa tidak tahu nak ke mana? Atas dasar simpati dan tidak mahu masalah lain timbul seperti kes buang bayi, saya tumpangkan mereka di rumah.



● Yahya Mohamed Yusof

Gambar: ZAKARIA IDRIS

"Lama-kelamaan ramai pula yang tahu saya melakukan kebajikan seperti ini. Kemuncak pada kemasukan mangsa ke rumah saya sekitar September 2002 di mana 25 orang datang ingin mendapatkan bantuan. Keadaan ini berlaku selepas kemunculan saya dalam rancangan 'Malaysia Hari Ini' di TV3 yang membincangkan isu keruntuhan moral remaja. Pun begitu, saya terpaksa menghadkan pengambilan memandangkan tempat yang terhad dan tidak mendapat bantuan dari mana-mana pihak. Kalau ada pun mungkin daripada keluarga mangsa ataupun orang perseorangan.

"Kalau nak ikut mungkin lebih ramai yang boleh diambil, tetapi saya merujuk pada kes. Sekiranya masalah yang dihadapi oleh mangsa boleh diatasi dengan bantuan keluarga ataupun boleh dinikahkan, kami akan usahakan. Walaupun mana-mana mangsa yang nampak jalan untuk mengatasi masalah sendiri, kami sedia berikan panduan."

#### KRITERIA PENGAMBILAN MANGSA:

- 1) Teraniaya – diperkosa ataupun diberi pil tidur sebelum dinodai.
- 2) Terpedaya – terlanjur dengan teman lelaki.
- 3) Gejala sosial – pergaulan bebas, lepak.

Berpengalaman selama 15 tahun dalam bidang ini mendorong Yahya lebih menumpukan pada kes teraniaya dan terpedaya. "Sebab kebanyakan mereka yang terlibat baik-baik orangnya seperti sikap, latar belakang keluarga yang baik dan berpendidikan tinggi. Cuma nasib tidak menyebelahi mereka. Sementara bagi remaja yang terlibat disebabkan oleh pergaulan bebas lazimnya disaran ke rumah-rumah perlindungan. Ini kerana mereka memerlukan lebih banyak pendedahan dan pendekatan mengenai cara hidup bermoral supaya dia menjadi orang jadi lebih baik selepas itu.

"Had umur pengambilan mangsa yang berlingung di rumah saya tidak tentu, tapi selalunya di antara 17 – 27 tahun. Dan 70 peratus penghuni berusia antara 19 hingga 21. Pernah sesekali ada juga mangsa yang datang di bawah usia 17. Bagaimanapun apabila berhadapan dengan situasi ini saya minta keluarga mangsa merujuk terlebih dahulu kepada pihak berkuasa kerana ini biasanya melibatkan kes juvana."

#### KONSEP KEKELUARGAAN ERATKAN HUBUNGAN

Penerapan konsep kekeluargaan semasa menjaga remaja hamil memberi peluang kepada Yahya menyelami apa permasalahan sebenar yang dihadapi oleh mangsa. Hubungan yang dibina tidak ikut protokol, malah mereka boleh berbincang secara terbuka (dari hati ke hati), berseloroh dan bergurau senda seperti satu keluarga. Tetapi ada masanya perlu serius. Cara ini membolehkan mangsa mendengar nasihat dengan hati terbuka.

"Golongan remaja masih mencari-cari identiti diri. Mudah dipengaruhi mendorong mereka tersasar daripada landasan kehidupan normal. Bagi remaja bermasalah yang telah dihantar ke rumah perlindungan, namun kembali dengan sikap lama selepas itu sewajarnya mendapat lebih perhatian daripada keluarga. Kurangnya perhatian serta dahagakan kasih sayang menjadikan remaja ini lepas bebas melakukan apa yang dia suka. Justeru, saya beranggapan konsep kekeluargaan perlu diterapkan semasa membantu remaja

bermasalah bagi memastikan diri mereka dihargai," jelas Yahya yang mula melibatkan diri dalam membantu golongan remaja sejak 1986 lagi.

Yahya mendapat sokongan daripada keluarga terutama isteri yang mahu bekerjasama dan mengambil berat akan penglibatannya dalam melaksanakan tanggungjawab sosial. "Pun begitu, ada juga tohmahan yang dilemparkan memandangkan mangsa yang saya bantu semuanya perempuan. Ada yang bertanya pada isteri, tak cemburu ke? Budak-budak ni pula lawa-lawa? Alhamdulillah, isteri cukup memahami tambahan dia juga berminat untuk membantu dalam membimbing remaja yang bermasalah."

Dengan kedudukannya sebagai Ahli Brigid Jabatan Kebajikan Masyarakat, sukarelawan Yayasan Salam dan Setiausaha Kehormat Gerakan Ehsan Gombak; sememangnya Yahya tidak menang tangan untuk melakukan semua ini tanpa bantuan dan sokongan keluarga. Tujuannya hanya satu - memantau serta memperkemaskan dan membanteras kegiatan jenayah mahupun masalah sosial yang disebabkan oleh golongan remaja.

#### DITUDUH JADI PENGGALAK

Lebih memilukan apabila ada pihak yang menuduh Yahya penggalak kepada perkembangan kes remaja hamil. Tuduhan yang dilemparkan ini berpunca daripada kesanggupannya menghulur bantuan kepada mangsa. "Walhal saya ibarat Persatuan Bulan Sabit Merah, datang membantu apabila ada mangsa cedera. Yang menggalakkan adalah mereka yang mengadakan pesta-pesta mahupun acara-acara yang mengundang jenayah ini berlaku. Kenapa tidak salahkan mereka?

"Alhamdulillah, saya dah lakukan sekadar yang termampu. Membantu demi kebaikan semua. Justeru, apa jua bentuk kes yang datang, ia dirujuk pada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan saya tidak menerima mangsa secara bulat-bulat. Sekurang-kurangnya keluarga mangsa dan pihak berkuasa perlu tahu kerana dikhuatiri ada mangsa menghadapi masalah saat melahirkan yang boleh membawa maut."

Bercerita mengenai proses pengambilan anak angkat, Yahya memberitahu, perlunya mengikut prosedur undang-undang seperti membuat surat sumpah. "Bagaimanapun selepas mereka melahirkan bayi masing-masing, setiap mangsa berhak menentukan kepada siapa bayi itu patut diserahkan. Keluarga sendiri ataupun keluarga angkat. Proses penyerahan berlandaskan undang-undang dan mengikut garis panduan yang ditetapkan JKM.

"Masalah remaja hamil sewajarnya diberi perhatian serius memandangkan golongan ini bakal membentuk generasi baru. Andai kata dalam sebulan 100 anak tidak sah taraf ini didaftarkan, bagaimana dalam tempoh 10 tahun akan datang? Mahukah kita melihat anak cucu tidak tahu asal usul?"

Justeru, wanita perlu menyelam ke dasar dalam menilai tugas kerana mereka dihulurkan dengan tanggungjawab yang berat. Menjadi pendidik dan acuan kepada rupa diri anak-anak sekali gus generasi masa depan. Lahir sebagai wanita, mahu atau tidak, amanah itu sudah sedia menanti untuk ditunaikan haknya. Anak-anak menanti untuk dibimbing, dibekalkan kesedaran bahawa kehidupan mereka ada matlamat dan fungsinya, bukan membiarkan peredaran masa berlalu begitu sahaja. W